



KERJASAMA: Rosalam (tujuh kiri) dan Mike (lapan kiri) semasa majlis menandatangani perjanjian penyelidikan tersebut.

UMS terima dana penyelidikan perubatan syarikat Jerman

UB 03.01.2023 P.08

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani perjanjian penyelidikan bersama syarikat bioteknologi berpangkalan di Jerman Stellar Biomolecular Research untuk mengkaji perubahan generatif.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Ir. Dr Rosalam Sarbatly yang mewakili

UMS bersama pengasas dan presiden syarikat itu, Datuk Seri Mike Chan.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi, Profesor Dr Lee Ping Chin.

Dr Yew Chee Wei telah mengetuai projek penyelidikan yang bertajuk 'In vitro evaluation of the protective effect of mito organelles (MO) against amyloid-beta peptide-induced toxicity in human neuroblastoma SHSY5Y

cells' tersebut.

Dalam kenyataan UMS berkata, sifat neurotropik MO peptida diteorikan untuk memperlambatkan perkembangan proses patologi dan neurodegenerasi yang disebabkan oleh penuaan, sambil merangsang proses pemulihan.

"Projek ini bertujuan untuk menyiasat potensi peptida MO dalam merawat penyakit Alzheimer dengan mengkaji kesan perencatan acetylcholinesterase (AChE)

MO dalam vitro.

"Kita berharap kajian Biomolekul Stellar dapat membantu membangunkan ekosistem penyelidikan, pengkomersilan dan pembangunan pasaran kerja bioteknologi di Sabah," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Datuk Kasim Mansor menghargai sumbangan tersebut serta menzahirkan rasa teruja terhadap potensi kerjasama penyelidikan dan pembangunan projek ini.